

18/08/1997

Hayati budaya, perjuangan asal Umno

KOTA KINABALU, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan semua pemimpin Umno supaya menghayati budaya dan perjuangan asal parti yang mengutamakan kepentingan negara, bangsa dan agama serta menolak mereka yang cuba memperalatkan Umno bagi kepentingan peribadi.

Perdana Menteri berkata, pemimpin yang berpura-pura menyertai perjuangan parti semata-mata mengharapkan ganjaran tidak ada tempat dalam Umno dan harus ditolak kerana mereka hanya merosakkan parti.

Sehubungan itu, katanya, mereka yang menyertai perjuangan Umno harus bersedia berkorban demi parti dan bukan sebaliknya, mengorbankan parti bagi kepentingan diri sendiri.

Katanya, pimpinan parti kini komited menghapuskan rasuah, politik wang dan penyalahgunaan kuasa kerana ia bukan budaya Umno.

"Budaya Umno mengutamakan perjuangan parti yang pada keseluruhannya ialah untuk bangsa kita. Ini mesti diterap dan dijadikan sebagai sebahagian daripada darah daging kita, dijadikan budaya kita.

"Kalau ada sesiapa dari Semenanjung yang cuba menanam budaya berbeza daripada yang ini, tolak saja," katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen Umno Sabah keempat di Hotel Shangri-La Tanjung Aru Resort, di sini hari ini.

Konvensyen tiga hari bertemakan 'Ke arah penghayatan budaya Umno' itu dihadiri lebih 1,300 perwakilan dari seluruh negeri.

Turut hadir Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam; Ketua Menteri merangkap Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah, Datuk Yong Teck Lee; Setiausaha Agung BN, Datuk Mohamed Rahmat dan pemimpin parti komponen BN.

Dalam ucapan sejam itu, Presiden Umno menghuraikan sejarah perjuangan parti sebelum dan selepas merdeka serta budaya yang dipraktikkan.

Beliau mengimbuai sejarah tamadun Islam dan mengaitkannya dalam konteks perpaduan masa kini. Malah ia dijadikan iktibar bagi orang Melayu dari seluruh pelosok tanah air bersatu menentang penjajah apabila tercetus idea menubuhkan Malayan Union.

Dr Mahathir berkata, sebagai parti mewakili majoriti rakyat dan menjadi tulang belakang kerajaan BN, pimpinan Umno harus mengamalkan budaya bertanggungjawab menyelesaikan masalah rakyat.

"Budaya kita ialah menjadi orang yang boleh memberi manfaat kepada rakyat dan negara. Oleh itu, kita perlu pegang pada nilai yang mulia. Baru-baru ini kita tekan soal rasuah... dulu ia tidak jadi budaya Umno, tapi sekarang ada orang kata budaya politik wang ini sudah jadi budaya Umno.

"Ini harus dikikis. Kalau rasuah sudah jadi budaya, maka kita tak boleh mengikisnya lagi," katanya.

Perdana Menteri berkata, semua peringkat pimpinan parti bukan saja harus bersih daripada sebarang tingkah laku negatif, tetapi hendaklah sentiasa kelihatan bersih sepanjang masa.

Katanya, memang bukan mudah untuk seseorang kelihatan bersih kerana dalam politik ramai yang suka membuat fitnah.

Beliau menegur sikap sesetengah pemimpin Umno yang kini berlumba-lumba menjadi pemimpin dan ia bertentangan dengan keadaan dahulu yang mana orang segan menjadi pemimpin, malah ada yang ditawarkan, menolaknya.

"Dulu tidak berebut untuk jadi pemimpin. Kita terpaksa pujuk untuk menjadi pemimpin. Sekarang tak payah pujuk lagi.

"Kalau dulu cukup susah untuk dapat calon bertanding. Tapi kini calon bercambah. Tak bagi, berebut. Tak dapat, menangis. Kadang-kadang bertindak masuk parti lain," katanya.

Sehubungan itu, beliau mahu supaya asas perjuangan dahulu iaitu pengorbanan harus disemai dalam jiwa ahli parti, bertujuan supaya mereka mencintai negara, parti dan agama.

Dr Mahathir berkata, Umno memerlukan pemimpin yang bukan saja popular, tetapi cekap dalam menjalankan tugas kerana perjuangan asas parti ialah membela nasib rakyat dan menyelesaikan masalah mereka.

(END)